

ADAT PERPATIH
STRUKTUR ORGANISASI, SISTEM SOSIAL DAN
PERLANTIKAN UNDANG

NOR RAZIFAH HL. ABD. WAHAB

FAKULTI UNDANG - UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1994

**ADAT PERPATIH
STRUKTUR ORGANISASI, SISTEM SOSIAL DAN
PERLANTIKAN UNDANG**

NOR RAZIFAH HJ. ABD. WAHAB

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

1994

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan, hasil kerja-hasil kerja dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

9. APRIL 1994

Tarikh



Nor Razifah Hj. Abd. Wahab

A. 1531990

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha penyayang lagi Maha mengasihani.

Pertama sekali penulis ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana tanpa rahmatNya tidak mungkin kertas projek ini dapat dihasilkan pada masa yang ditetapkan.

Kesempatan ini ingin digunakan juga untuk merakamkan jutaan terima kasih buat Puan Che' Norlia Mustafa, pensyarah dan penyelia yang sentiasa sudi membantu dan sabar melayani kerenah penulis.

Kepada Amak dan Ayah yang amat disayangi, tiada suatu pun di dalam dunia ini yang dapat membalas segala pengorbanan dan segala kasih sayang yang telah dicurahkan. Semoga Allah jua yang dapat membalasnya.

Jutaan terima kasih juga ingin diucapkan kepada abang-abang yang sentiasa mendatangkan motivasi. Kepada Kak Pilah, Ucu, Acik dan Kak Mah, terima kasih kerana menjadi seorang kakak, kawan, teman ketawa, teman menangis dan segala-galanya bagi diri penulis.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyiapkan kertas projek ini secara langsung dan secara tidak langsung.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan tidak segan silu untuk memberi kritikan yang membina.

Semoga Allah akan melimpahkan rahmatNya ke atas kalian semua. Segala bantuan dan sokongan yang diberikan akan dikenang sehingga akhir hayat.

NOR RAZIFAH HJ. ABD. WAHAB

ABSTRAK

Adat Perpatih adalah salah satu undang-undang adat yang diamalkan di Malaysia dan salah satu ciri budaya Melayu yang unik di Negeri Sembilan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa prosedur perlantikan Undang mengikut prinsip-prinsip adat di setiap luak dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan kuasa budi bicara memilih Undang.

Latarbelakang sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan definisi adat berserta dengan kategorinya akan dijelaskan di dalam Bab Satu. Sistem Nasab Ibu yang merupakan ciri penting dalam Adat Perpatih juga akan diperkenalkan dalam bab yang sama. Bab Dua akan memperkenalkan empat luak yang menjadi skop kajian dan juga struktur politik yang diamalkan termasuk juga syarat-syarat kelayakan yang diperlukan pada seorang pemimpin mengikut Adat Perpatih.

Bab Tiga kertas projek ini akan menekankan pada prosedur perlantikan Undang yang berbeza mengikut luak masing-masing. Manakala Bab Empat akan menumpukan perbincangan kepada konflik perlantikan Undang yang timbul di Luak Sungai Ujong dan Luak Jelebu. Bab ini juga akan mengandungi alasan atau faktor penyebab krisis tersebut dan pandangan dan syor daripada penulis untuk menangani masalah yang akan datang kerana sesungguhnya mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

ABSTRACT

Adat Perpatih is one of the customary laws practiced in Malaysia and one of the unique features of Malay cultures in Negeri Sembilan. The purpose of this study is to analyse the election procedure of the Ruling Chief or Undang according to the principles of this custom in every 'luak' and the problem faced in exercising the discretion in selecting an Undang.

The historical background of the existence of Adat Perpatih in Negeri Sembilan and the definition of custom and its categories will be dealt in the First Chapter. The Matrilineal System which is a vital element in Adat Perpatih is also introduced in the same chapter. The Second Chapter will be dealing with the introduction to the four territories that are involved in this discussion and also the political structure practised there inclusive of all the pre-conditions and qualifications required of a leader in Adat Perpatih.

The Third Chapter of this project paper will give great emphasis on the procedure of the election of an Undang that varies according to territory. Whereas the Fourth Chapter which will concentrate solely on the conflict which arised in Luak Sungai Ujong and Luak Jelebu concerning the election of their respective Undang. This chapter also will consist of the reasons behind these crisis and the writer's views and suggestions of how to overcome future problems for prevention is better than cure.

SENARAI KES

Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus [1981]
MLJ 29.

SENARAI STATUT

Perlembagaan Negeri, Negeri Sembilan
Perlembagaan Persekutuan

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN "A" - Peta Negeri Sembilan
- a) Luak-luak Adat
 - b) Luak yang diketuai Undang
 - c) Luak yang diketuai Penghulu
- LAMPIRAN "B" - Rajah Salasilah Undang Jelebu
- LAMPIRAN "C" - Carta Garis Keturunan Mengikut Nasab Ibu
- LAMPIRAN "D" - Kes : Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor v. Dato'
Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus

SENARAI SINGKATAN

Anor	-	Another
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
FSKK	-	Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan
hlm.	-	Halaman
ibid	-	ibidem
JMBRAS	-	Journal Of The Malayan Branch Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal Of The Straits Branch Royal Asiatic Society
MLJ	-	Malayan Law Journal
Sdn. Bhd.	-	Sendirian Bhd
U.K.M	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
U.M	-	Universiti Malaya
U.P.M	-	Universiti Pertanian Malaysia
v.	-	Versus/Lawan

KANDUNGAN

HALAMAN

Pengakuan	
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Senarai Kes	vi
Senarai Statut	vi
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkatan	vii
Pendahuluan	x

BAB

1. PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Sejarah Kemasukan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan	1
1.2	Definisi	3
1.3	Mengenal Adat Perpatih dan Struktur Organisasinya	4
1.3.1	Adat Perpatih Secara Am	4
1.3.2	Pertalian Adat Perpatih dan dan Konsep Keadilan dan Kepimpinan	7
1.3.3	Kategori Adat	9
1.3.4	Sistem Nasab Ibu Dalam Adat Perpatih	13

2. LUAK-LUAK BERUNDANG DI NEGERI SEMBILAN

2.1	Pengenalan Kepada Luak-Luak di Negeri Sembilan	18
2.2	Pengenalan Kepada Luak Sungai Ujong	19
2.3	Pengenalan Kepada Luak Jelebu	22
2.4	Pengenalan Kepada Luak Rembau	25
2.5	Pengenalan Kepada Luak Johol	27
2.6	Struktur Politik Adat Di Setiap Luak	29

2.6.1	Konsep Pemimpin dan Demokrasi Dalam Adat Perpatih	29
2.6.2	Syarat-syarat Pemimpin	34
2.6.3	Pantang-larang Seorang Pemimpin	36
2.6.4	Perlantikan dan Tugas-tugas Ketua Adat Di Bawah Undang	38
3.	PERLANTIKAN UNDANG	
3.1	Institusi Undang	45
3.2	Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong	49
3.2.1	Pendahuluan	49
3.2.2	Waris di Sungai Ujong	51
3.2.3	Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong	56
3.3	Perlantikan Undang Luak Rembau	60
3.4	Perlantikan Undang Luak Johol	65
3.5	Perlantikan Undang Luak Jelebu	68
3.6	Penutup	72
4.	KRISIS PERLANTIKAN UNDANG	
4.1	Krisis di Luak Sungai Ujong	73
4.2	Krisis Perlantikan Undang Luak Jelebu	79
4.3	Faktor Penyebab Krisis	83
4.3.1	Kuasa Lembaga Tiang Balai	83
4.3.2	Kefahaman Terhadap Adat	86
4.3.3	Sistem Giliran	87
4.4	Cadangan Penyelesaian Krisis	89
4.4.1	Peranan Dato' Lembaga	90
4.4.2	Kebulatan	92
4.4.3	Peranan Dewan Keadilan dan Undang	95
4.5	Penutup	98

PENDAHULUAN

"Adat Berakar ke bumi
Berpucuk ke langit
Adat bersendikan hukum
Hukum bersendikan kitabullah
Adat sudah bertentu
Bilang telah teratur
Alam dah beraja
Luak telah berundang
Matahari telah terbit
Bulan telah mengambang
Oleh itu janji jangan berubah
Setia jangan beralih
Hidup bak lopak, bak sawah
Bak Uang Bak durian
Mengaji pada Alif
Berbilang pada satu"

Diatas adalah antara keratan kata-kata Dato' Andika Mendelika¹ Ketua Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong ketika pertabalan Dato' Kelana Mubarak Thahak, Undang Luak Sungai Ujong yang ke-10. Dari ungkapan di atas ternyata Adat Perpatih masih dianggap adat yang mulia dan unggul. Pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan masih lagi bergantung kepada perbilangan adat yang unik lagi bermakna untuk mengekalkan hidup yang harmoni dan tetap bersatu walaupun di zaman yang serba moden ini.

Dalam kertas Projek ini, penulis akan menumpukan aspek kajian kepada amalan dan perjalanan Adat Perpatih di Negeri Sembilan khususnya kajian penulis akan tertumpu pada pentadbiran politik dan pemimpin-pemimpin adat.

¹ Dato' Hj. Abd. Malek b. Joned

Masyarakat Adat Perpatih adalah satu masyarakat yang amat menghormati dan memandangi tinggi kepada ketua atau pemimpin mereka. Oleh yang demikian, pemilihan pemimpin-pemimpin di dalam Adat Perpatih akan dipilih secara teliti dengan mengamalkan sistem demokrasi di mana suara yang terlantang adalah suara dari anak-anak buah yang dipimpin. Anak buah yang berhak melantik dan anak buah juga yang berhak untuk memecat pemimpin mengikut kata-kata adat:-

Bulat anak buah menjadikan Buapak
 Bulat Buapak menjadikan Lembaga
 Bulat Lembaga menjadikan Undang
 Bulat Undang menjadikan Keadilan/Raja

‘Kebulatan’ atau ‘kata sepakat’ atau ‘muafakat’ adalah tunggak atau dasar bagi pemilihan pemimpin-pemimpin adat. Sekiranya tiada muafakat keadaan akan menjadi kucar-kacir dan pertelingkahan akan berlaku.

Tujuan penulisan ini adalah untuk mengkaji prosedur atau proses perlantikan Undang di Luak-luak Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau. Seterusnya penulis akan menyingkap beberapa krisis yang berlaku yang berkisar tentang perlantikan Undang dan perebutan kuasa antara waris-waris yang mengaku masing-masing lebih berhak untuk menyandang pesaka Undang.

Oleh itu, sebahagian besar metodologi kajian penulis adalah berdasarkan kajian yang terperinci terhadap journal, artikel buku-buku teks dan keratan akhbar yang membicarakan tentang Adat Perpatih. Secara ringkas, penulis akan banyak merujuk kepada bahan penulisan di perpustakaan. Penulis juga akan melakukan beberapa temubual dengan pakar adat yang berpengalaman tentang perjalanan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Kertas Projek ini akan menyarankan bahawa Adat Perpatih hendaklah dikaji secara mendalam dan bukan sekadar mengetahuinya di atas permukaan sahaja. Ini adalah supaya tidak berlaku apa-apa pertelingkahan yang tidak diingini dan supaya terdapat ramai lagi yang arif dalam pentadbiran adat dan bukannya bergantung kepada generasi tua atau generasi yang terdahulu. Tidak semua masalah tidak boleh diselesaikan kerana 'tiada keruh yang tidak jernih, tiada kusut yang tidak selesai'.

Sememangnya untuk menyelesaikan pertelingkahan adat bukanlah perkara yang mudah kerana penyelesaiannya mestilah memuaskan hati kedua-dua pihak yang bertelingkah, diibaratkan seumpama :-

Menarik rambut dalam tepung

Rambut jangan putus

Tepung jangan berserak

Kalau mengikut maksud perpatah ini, dalam menyelesaikan satu-satu masalah menurut adat dan budaya janganlah sampai 'berpatah arang berkerat rotan' dan penyelesaiannya mestilah yang terbaik untuk semua pihak.

Melalui Bab Satu, penulis menyentuh latarbelakang sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, definisi umum Adat Perpatih dan konsep garis keturunan nasab ibu dan kepentingannya dalam masyarakat Adat Perpatih. Seterusnya dalam Bab ini juga penulis menjelaskan kategori-kategori adat dan bagaimana ia diaplikasikan.

Bab Dua pula lebih menumpukan kepada pengenalan dan sejarah empat buah Luak (i.e. Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau) yang menjadi skop kajian penulis. Seterusnya Bab ini membincangkan struktur politik Adat Perpatih yang diamalkan secara am di setiap luak. Dalam membincangkan tentang perkembangan politik adat, penulis menyentuh konsep demokrasi, syarat-syarat, pantang-larang dan perlantikan pemimpin-pemimpin adat.

Selain daripada itu, Bab Tiga kertas projek ini memberi penekanan kepada institusi Undang yang unik yang hanya wujud di Negeri Sembilan. Prosedur perlantikan Undang adalah penekanan utama Bab ini di mana ia menyentuh suku atau waris yang layak untuk menyandang pusaka Undang di tiap-tiap empat luak yang berundang tersebut dan bagaimana proses pemilihan dijalankan dan siapa bertanggungjawab atau yang berkuasa untuk menjalankan perlantikan.

Melalui kajian di dalam Bab Tiga jelas terdapat persamaan yang ketara dan juga sedikit perbezaan dalam proses perlantikan Undang di Luak-luak yang berbeza.

Di bawah bab terakhir iaitu Bab Empat, penulisan berkisar tentang krisis yang berlaku mengenai perlantikan Undang di Luak Sungai Ujong dan Luak Jelebu. Krisis berlaku tertumpu kepada perebutan kuasa dan ketidaksepakatan yang berlaku di kalangan Dato'-dato' lembaga sesama sendiri. Di dalam bab ini juga penulis akan menyentuh faktor penyebab konflik ini terjadi dan cadangan-cadangan dari penulis sendiri bagaimana hendak menangani masalah ini supaya tidak berulang kembali.

Sememangnya, setiap masalah sekiranya tidak diselesaikan segera, ia akan berpanjangan, daripada kudis akan menjadi pekung. Daripada pekung ia akan menular ke seluruh masyarakat yang masih memegang teguh dan masih sayang pada adat yang boleh menyatukan mereka. Oleh yang demikian pentadbiran adat hendaklah dibuat mengikut peraturan adat yang telah ditetapkan. Adat Perpatih harus dipertahankan dan bukannya dijadikan batu loncatan untuk mencapai kepentingan dan kepuasan nafsu sendiri. Sesungguhnya benar kata adat :-

Tiada keruh yang tidak jernih
 Tiada kusut yang tidak selesai
 Sesat di hujung jalan
 Balik ke pangkal jalan
 Bulat air kerana pembedong
 Bulat manusia kerana muafakat

BAB EMPAT

KRISIS PERLANTIKAN UNDANG

4.1 Krisis di Luak Sungai Ujong

Setiap kali kewafatan Undang berlaku masalah yang akan timbul adalah pemilihan Undang yang baru. Masalah ini akan bertukar menjadi pertikaian dan pertikaian akan berpanjangan menjadi satu krisis politik yang sukar untuk diselesaikan. Kadang-kadang ianya akan berlarutan sehingga bertahun-tahun lamanya dan contoh yang ketara sekali ialah seperti yang terjadi di Luak Sungai Ujong.

Tanggal 29 Januari 1994 adalah tanggal yang bermakna bagi anak-anak buah di Sungai Ujong kerana pada tarikh ini terlantiknya Undang Sungai Ujong yang ke-10, selepas 10 tahun menanti dan ini bermakna berakhirnya krisis perlantikan Undang di Sungai Ujong. Adat istiadat 'kerjan' atau pertabalan Dato' Mubarak Thahak, Dato' Seri Menanti sebagai mempersembahkan perlantikan beliau pada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.¹

Diharapkan dengan perlantikan ini krisis tidak akan timbul lagi di kalangan masyarakat yang dikatakan sentiasa bersepadu dan bersatu dalam apa perkara sekalipun. Tetapi ada juga suara-suara kerdil yang masih tidak puashati atas perlantikan ini.

Punca utama krisis perlantikan ini berlaku adalah kerana terlampau ramai calon-calon yang kononnya berasal dari waris-waris yang layak menjadi Undang menuntut hak masing-masing. Kesannya prinsip dimana waris yang dilantik mestilah mengikut giliran antara Perut Hulu dan Perut Hilir tidak diikuti dengan ketat seperti yang sepatutnya.

¹ News Straits Times, 21/2/1994, hlm. 32.

Hakikat ini dapat dilihat didalam senarai dibawah di mana ada perut yang menyandang gelaran Undang berturut-turut :-

a)	Dato' Kelana Bador	-	Perut Hulu
b)	Dato' Kelana Leha	-	Perut Hulu
c)	Dato' Kelana Baki	-	Perut Hilir
d)	Dato' Kelana Kawal	-	Perut Hulu
e)	Dato' Kelana Sendang	-	Perut Hulu
f)	Dato' Kelana Syed A. Rahman	-	Perut Hilir
g)	Dato' Kelana Mohd. Yusof	-	Perut Hilir
h)	Dato' Kelana Maamor	-	Perut Hilir
i)	Dato' Kelana Mohd. Kasim	-	Perut Hilir
j)	Dato' Kelana Mubarak Thahah	-	Perut Hulu

Rasional di sebalik fenomena ini adalah ia mungkin disebabkan perut yang menerima giliran ketika itu tidak dapat mengadakan calon atau pengganti yang layak untuk menjadi Dato' Kelana kerana terdapat syarat-syarat yang tidak dapat dipenuhi. Jadi terpaksa dicari pengganti daripada perut yang sama dengan perut Dato' Kelana yang telah mangkat.

Selain daripada sebab yang dinyatakan tadi, tidak mustahil masalah perebutan kuasa adalah punca utama prinsip mengikut giliran itu tidak diikuti. Kuasa yang luas yang datang bersama gelaran 'Dato' Kelana' itu adalah salah satu faktor perebutan. Tetapi di zaman serba maju ini Dato' Undang telah diberi ganjaran dan elaun yang jumlahnya sampai ke angka RM7,000 sebulan, menambahkan lagi godaan untuk merebut jawatan ini.

Krisis yang berpanjangan di Sungai Ujong bermula dengan pertikaian di antara Perut Hulu dan Perut Hilir yang mempertahankan hak masing-masing.

Pada 7hb. Mac 1984 Waris Perut Hilir telah mengadakan satu kerapatan dan Tua Waris Perut Hulu Dato' Johan, Dato' Razali telah mengisytiharkan bahawa selepas

kewafatan Dato' Mohamad Kassim Abdul Rashid Undang Luak Sungai Ujong ke-9 pada 23hb. Oktober, 1983² giliran seterusnya jatuh kepada Waris Perut Hulu untuk memegang pesaka Undang Luak Sungai Ujong. Menerusi kerapatan ini empat orang calon telah dilantik.

Sayangnya perkara ini tidak dibiarkan begitu sahaja, ianya telah dibantah oleh Ibu Sako Perut Hilir dengan alasan pencalonan itu bercanggah dengan aturan Adat. Antara alasan yang dikemukakan oleh Ibu Sako Perut Hilir adalah :-

- i) Memandangkan Undang Dato' Mohd Kassim dahulunya adalah dari Perut Hilir, Tua Waris Perut Hilir Dato' Maharajalela tidak pernah menyerahkan pesaka Undang kepada Perut Hulu.
- ii) Dato' Johan ketika itu tidak dianggap sebagai Tua Waris Perut Hulu kerana pesakanya tertanam selama 7 tahun.
- iii) Perpatah Adat 'Hilang di Hilir berganti di Hulu' tidak terpakai dalam keadaan di mana ada kecacatan dalam adat. Kecacatan yang dimaksudkan di sini adalah Perut Hulu dianggap tidak mempunyai Tua Waris kerana pesaka Dato' Johan telah tertanam disebabkan kesalahan adat yang telah dilakukan³ dan 'upacara penebusan' pesaka ini telah diadakan tetapi tidak diiktiraf akan keesahannya oleh Waris Perut Di Hilir.
- iv) Waris Perut Hilir menegaskan lagi bahawa dalam memilih calon-calon pengganti Undang Dato' Johan telah mengenyepikan pendapat Dato' Maharajalela Tua Waris Perut Hilir.

² News Straits Times - 21/2/1994.

³ Temubual penulis dengan Tuan Hj. Ghazali, Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, 31hb. Januari 1994.

Di sini, ketegangan ditambahkan lagi dengan kenyataan Waris Perut Hilir yang mengatakan 'kerapatan' yang dimaksudkan oleh Dato' Johan Dato' Razali adalah sebenarnya muafakat daripada empat hingga sepuluh buah rumah sahaja dan bukannya sebulat suara keseluruhan anak-anak waris.⁴

Perut di Hilir mendakwa lagi bahawa Perut Hulu hilang gilirannya untuk menyandang pesaka Undang adalah disebabkan oleh ketiadaan Dato' Johan Tua Waris bagi Perut Hulu. Hakikatnya ini adalah satu kecacatan yang (*fundamental*) yang boleh menyebabkan perlantikan tidak sah. Peranan Tua Waris dalam pemilihan bakal pengganti Undang adalah penting kerana beliau yang akan mempersembahkan nama calon yang layak kepada Dato' Lembaga Tiang Balai.⁵

Sebenarnya, pada tanggal 8hb. Mac 1986, seorang waris dari Perut Hulu iaitu Raja Abdul Rahim b. Raja Abd. Razak telah dilantik menjadi Undang Luak Sungai Ujong yang ke-10 tetapi perlantikan ini telah mendapat tentangan daripada banyak pihak.⁶

Perlantikan ini telah diisytiharkan oleh Dato' Andika Mendelika Dato' Fadzil bin Nordin di Balai Undang, Kampung Telaga Undang Batu Sembilan, Pantai. Dato' Shahbandar telah mengatakan bahawa pengisytiharan tersebut tidak sah. Ini adalah kerana dua daripada Lembaga Tiang Balai telah dipecat oleh Dato' Shahbandar.

Tindakan Dato' Shahbandar tersebut adalah satu perkara yang bertentangan dengan adat kerana Dato' Shahbandar tidak ada kuasa untuk memecat sesiapa, sepatutnya pemecatan orang yang dilantik harus dilakukan oleh orang yang melantik iaitu anak buah.⁷ Dalam keadaan ini Dato' Shahbandar telah menggunakan kuasanya secara tidak munasabah semata-mata untuk menentang perlantikan tersebut.

⁴ Berita Harian, 14/12/1985.

⁵ Berita Harian, 17/12/1985.

⁶ Temubual penulis dengan Tuan Hj. Muhamad b. Tainu, Setiausaha Penyelidikan & Budaya Negeri Sembilan.

⁷ Ibid.

Perlantikan Raja Abdul Rahim tidak juga direstui oleh Dewan Keadilan dan Undang. Alasan sebenarnya penolakan perlantikan ini tidak diperjelaskan lebih lanjut kepada penulis tetapi apa yang difahamkan daripada penerangan dari pihak-pihak yang arif tentang adat sebab utama penentangan kepada perlantikan tersebut adalah tiadanya kata sepakat atau 'kebulatan' tidak tercapai. Jadi perlantikan itu lucut begitu sahaja.

Kemudian ada waris yang mengakui dirinya berhak untuk menjadi Undang Luak Sungai Ujong, terus mencerobohi dan mendiami Balai Undang dan duduk di situ beberapa hari sehingga dipaksa keluar oleh Kerajaan Negeri. Selepas itu beberapa kali Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan hendak mengisytiharkan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong. Persiapan telah dibuat, tetamu telah di undang, calon-calon telah dijemput, tiba-tiba ditangguhkan. Langkah untuk menyelesaikan masalah ini telah menghadapi jalan buntu sekali lagi.

Pada tahun 1993 pula terdapat Dato' Lembaga daripada pihak Waris di Air telah mengisytiharkan dirinya sendiri di dalam akhbar sebagai Undang Luak Sungai Ujong yang baru. Kemudian dicanggah oleh Menteri Besar Negeri Sembilan.

Rentetan peristiwa yang berlaku sepanjang sepuluh tahun ini telah menunjukkan bahawa Lembaga Tiang Balai yang merupakan tunggak dalam pemilihan Undang telah tidak bermaya untuk bertindak tegas dengan kuasa yang telah diamanahkan sebaliknya mempunyai kelemahan yang ketara dan mudah tunduk kepada sesetengah pihak.

Secara teorinya, kelihatan agak mudah untuk mencapai kata sepakat sekiranya peraturan adat dipatuhi dengan sempurna. Sekarang ini malangnya kebulatan suara amat sukar untuk dicapai, sentiasa ada pihak yang menentang habis-habisan.

Lembaga Tiang Balai yang bertindak sebagai badan 'penapis' calon-calon yang telah dipilih sepatutnya lebih tegas dalam mempertahankan calon yang telah dipilih tetapi sebaliknya yang berlaku di mana Lembaga Tiang Balai tidak mampu untuk bersikap tegas akibatnya peraturan adat telah diketepikan sama sekali. Anak-anak waris yang

tidak puashati dengan penagguhan perlantikan Undang yang berpanjangan hingga ke sepuluh tahun telah bertindak dengan menghantar petisyen kepada Dewan Keadilan dan Undang meminta Dewan ini menyelesaikan masalah yang telah berlapuk begitu lama.

Petisyen daripada anak-anak waris ini boleh dianggap sebagai surat penyerahan kuasa kepada Dewan untuk menggunakan budi bicaranya memilih dan seterusnya melantik Undang Luak Sungai Ujong yang baru. Tindakan ini adalah pesongan yang ketara daripada Adat di mana Dewan Keadilan dan Undang akan menilai calon-calon yang dikemukakan dan kemudiannya melantik Undang. Keputusan Dewan akan dianggap muktamad dan tidak akan dipertikaikan kerana langkah ini telah dipersetujui dan adalah kehendak anak-anak waris sendiri.

Hasil atau kesan daripada tindakan ini adalah terlantiknya Dato' Kelana Mubarak b. Thahak pada 29hb. Disember 1993 yang lalu. Perlantikan ini masih mendapat kritikan dari sesetengah pihak yang merasakan perlantikan tersebut telah tidak mengikut kata-kata Adat :-

Bulat Anak Buah menjadikan Buapak
 Bulat Buapak menjadikan Lembaga
 Bulat Lembaga menjadikan Undang
 Bulat Undang menjadikan Raja

Lembaga Tiang Balai yang telah diberikan kuasa telah gagal menjalankan amanah yang diberi oleh anak buah. Ini adalah kerana tidak ada ketegasan di kalangan mereka dan ketiadaan kebulatan telah mengeruhkan lagi keadaan. Sepatutnya mereka mengikut kata-kata adat :-

Tiada keruh yang tidak jernih
 Tiada kusut yang tidak selesai
 Sesat di hujung jalan
 Balik ke pangkal jalan

Bulat air kerana pembetong
 Bulat manusia kerana muafakat⁸

Nampaknya oleh kerana peraturan atau Undang-undang Adat ini tidak bertulis dan terpulang kepada penganut adat ini untuk menguatkuasakannya maka ia telah diketepikan sesuka hati oleh pemimpin adat. Sekiranya perkara ini berterusan dan tidak dibendung maka lama kelamaan Adat Perpatih akan kehilangan keunikan dan keunggulannya.

Melihat pada masalah yang telah dialami oleh masyarakat Adat Perpatih di Sungai Ujong, peraturan adat 'Adat bertanam Undang dengan Undang menanamkan' tidak dapat diaplikasikan kerana jangankan untuk melantik Undang supaya dapat menguruskan pengkebumian Undang yang mangkat malahan sepuluh tahun kemudian pun masalah yang sama tidak juga dapat diselesaikan.

Walaupun krisis yang melanda Sungai Ujong yang berlarutan hingga sepuluh tahun telah pun berakhir dengan terlantiknya Undang yang ke-10 ini tetapi tidak mustahil pisang akan berbuah dua kali apabila berlaku kekosongan lagi sekali dalam jawatan Undang.

4.2 Krisis Perlantikan Undang Luak Jelebu

Sudah menjadi kebiasaan di dalam dunia yang materialistik ini, apabila ada ganjaran yang lumayan maka akan banyaklah pihak yang ingin merebut peluang. Tambahan pula sekiranya pihak yang menuntut hak dibelenggu oleh perasaan tamak dan haloba.

Proses perlantikan Undang di Luak Jelebu tidak dapat lari dari masalah, ia tidak berjalan dengan lancar seperti yang diinginkan oleh semua pihak.

⁸ Hj. Muhammad b. Tainu, "Budaya Negeri" Bil. 11, 12 Julai, Oktober 1993, hlm. 1.

Krisis di Luak Jelevu ini bermula apabila mangkatnya Dato' Hj. Abu Bakar Ma'amor, Undang Luak Jelevu yang ke-14 pada bulan November 1979. Mengikut prosedur Adat Perpatih yang diamalkan di Jelevu, apabila Undang mangkat sebelum penggantinya dilantik, Dato' Menteri yang merupakan Dato' Lembaga Kanan bagi Undang akan menjadi Pemangku Undang buat sementara supaya anak-anak buah tidak hilang tempat mengadu.

Seperti biasa, apabila Dato' Menteri telah menjadi Pemangku Undang, Dato' Ombi pun memulakan proses pemilihan Undang dengan memberitahu Dato'-Dato' Lembaga dari tiga waris berundang untuk mencari calon. Memandangkan Undang Luak Jelevu yang ke-14 adalah Waris Hulu Jelevu maka giliran yang seterusnya dimiliki oleh Waris Sarin. Giliran ini telah ditentukan mengikut sistem giliran yang akan berpusing mengikut tiga waris berundang yang layak.

Selepas giliran diputuskan seorang calon pun dipilih dan namanya dikemukakan kepada Dato' Menteri dan kemudiannya Dato' Menteri meminta persetujuan daripada Dato' Ombi tetapi tidak diperolehi kerana pada pendapatnya calon tersebut tidak layak dari segi adat. Di peringkat ini, kita telah nampak tiada kebulatan dan ini hanya peringkat permulaan.

Kemudiannya Dato' Ombi, seperti yang dikehendaki oleh peruntukan adat, telah menghantar tiga nama calon Undang kepada Dato' Menteri untuk pertimbangannya. Dato' Menteri telah mengadakan semakan dan siasatannya sendiri seterusnya membuat keputusan bahawa di antara tiga nama yang dirujuk kepadanya oleh Dato' Ombi, tidak ada satu pun yang layak. Sebaliknya, Dato' Menteri telah memberikan sokongannya kepada calon yang telah ditolak pencalonannya oleh Dato' Ombi. Jadi memandangkan calon telah tinggal seorang maka Dato' Menteri mengambil langkah mengisytiharkan calon tersebut Encik Musa b. Wahab sebagai Undang Luak Jelevu yang ke-15.⁹

⁹ Gullick J.M., "Law and the Adat Perpatih a Problem from Jelevu", JMBRAS Vol. 54 Part 1, 1981, hlm. 9.

Dato' Ombi dan seorang lagi Dato' Lembaga yang menganggotai Lembaga Tiang Balai telah menentang perlantikan ini. Mereka membuat tuduhan bahawa perlantikan itu adalah tidak sah. Sebagai langkah pertama, Dato' Ombi telah merujuk perkara ini kepada Dewan Keadilan dan Undang yang ditubuhkan di bawah Perkara XVI, Perlembagaan Negeri, Negeri Sembilan, dengan harapan masalah ini boleh diselesaikan.

Dewan Keadilan dan Undang telah membuat satu persidangan di Sri Menanti pada 7hb. Februari 1980 untuk membincangkan masalah ini.¹⁰ Selain daripada anggota-anggota Dewan, persidangan tersebut telah turut dihadiri oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Setiausaha Negeri, Penasihat Undang-Undang dan Mufti. Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri ini hanya hadir sebagai pemerhati sahaja. Selepas selesai perbincangan permulaan, mereka tidak lagi terlibat dengan persidangan tersebut.

Kemudiannya, selepas perbincangan yang panjang lebar dan setelah mengambil kira kebaikan dan keburukannya Dewan telah 'merestui' perlantikan tersebut, dengan lain perkataan, Dewan telah menyokong perlantikan yang dibuat oleh Dato' Menteri.

Dato' Ombi tidak berputus asa dan keputusan Dewan tidak sedikit pun mematahkan semangatnya untuk menentang perlantikan tersebut habis-habisan. Dato' Ombi telah mengambil langkah kedua dengan memulakan prosiding di Mahkamah Tinggi Seremban memohon Mahkamah membuat satu deklarasi bahawa Undang Luak Jelevu yang baru dilantik itu bukannya seorang calon, tidak layak dilantik dan beliau tidak dilantik secara sah memandangkan persetujuan kesemua Dato'-Dato' Lembaga Tiang Balai tidak diperolehi.

Kes ini telah berpanjangan ke Mahkamah Persekutuan di mana ia adalah pertama kali dalam sejarah Jelevu pertelingkahan merebut jawatan Undang atau pertelingkahan adat sampai ke Mahkamah Sivil untuk mencari jalan penyelesaian.

¹⁰ Ibid.

Ada setengah pihak yang menyokong penuh perlantikan En. Musa b. Abdul Wahab, berpendapat tindakan ini tidak wajar, seolah-olah membuka pekung di dada. Masalah ini adalah masalah keluarga sendiri, tidak perlu didedahkan kepada orang luar.

Di dalam kes Dato' Menteri Othman b. Baginda & Anor v Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus¹¹ ini telah dipertikaikan samada Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini atau tidak. Di peringkat Mahkamah Tinggi, hakim terpaksa meneliti Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan, mengenai bidangkuasa yang berbunyi :-

*"any dispute as to the title to the succession
as Ruler of any state shall be determined solely by
such authorities and in such manner as may be provided
by the constitution of the state".*

Di dalam Perkara 71(2) pula, 'dengan ubahsuaian yang perlu' Undang akan termasuk dalam peruntukan am ini. Secara kasar jika mengikut Perkara 71, Mahkamah Tinggi tidak ada bidangkuasa untuk mendengar kes ini. Ini jugalah menjadi keputusan Mahkamah Persekutuan seterusnya membuat rumusan bahawa Dewan Keadilan dan Undang mempunyai kuasa untuk 'merestui' perlantikan Undang Luak Jelevu yang ke-15 dan dengan keputusan Dewan tersebut sepatutnya pertelingkahan itu berakhir di situ.

Memandangkan keputusan Mahkamah Persekutuan tidak memihak kepada Dato' Ombi, tentangannya hanya setakat itu sahaja dan Dato' Musa bin Abdul Wahab diiktiraf menjadi Dato' Mandika Menteri Akhirulzaman Undang Luak Jelevu hingga sekarang.

¹¹ 1981, 1 MLJ 29.

Walaupun krisis perlantikan Undang di Jelevu telah pun berakhir tetapi langkah pencegahan perlu diambil supaya sejarah hitam tidak berulang kembali.

4.3 Faktor-Faktor Penyebab Krisis

4.3.1 Kuasa Lembaga Tiang Balai

Sepertimana yang telah diperjelaskan, kuasa Lembaga dalam perlantikan Undang adalah amat besar dan luas. Pendapat mereka amat berpengaruh di kalangan anak-anak waris. Sebaik-baiknya kuasa yang diamanatkan ini hendaklah digunakan dengan bijaksana.

Lembaga Tiang Balai sebagai satu badan penapis dalam memilih 'baka' atau 'benih' yang sesuai untuk menggantikan tempat Undang sepatutnya tegas dalam menjalankan tugas mereka. Seseorang calon pengganti Undang yang telah menjalani beberapa peringkat pemilihan, apabila sampai ke peringkat penapis lembaga dan apabila terpilih, ini bermaksud beliau adalah calon yang terbaik dan yang paling sesuai dan layak. Semestinya calon ini harus dipertahankan supaya dapat mencapai kata sepakat seperti kata adat :-

Bulat air melalui pembedong

Bulat manusia melalui muafakat

Kok bulat boleh digolekkan

Kok pipih boleh dilayangkan

Ini tidak, Lembaga tidak berupaya, begitu lemah untuk mempertahankan calon yang telah dipilih. Oleh yang demikianlah, perlantikan Undang senantiasa menghadapi masalah dan menempuh jalan buntu. Perbilangan adat ada mengatakan :-

Hak orang jangan diambil

Hak kita jangan diagihkan

Kata-kata adat ini mempunyai signifikasi dalam masalah perlantikan ini. 'Hak orang jangan diambil', sepatutnya orang yang berhak sahaja yang boleh menyandang pesaka Undang tetapi sekarang ini apa yang berlaku adalah telah menjadi adat, manusia suka akan hak orang lain, sampai ke tahap yang tidak layak pun berani menuntut hak.

Disinilah sepatutnya Dato'-Dato' Lembaga memainkan peranan menjadi orang perantaraan, menenangkan keadaan dan menegahkan keadilan. Tetapi, yang sebaliknya telah berlaku di mana disebabkan tidak ada kata sepakat pihak lain terpaksa masuk campur. Contoh yang terdekat adalah masalah yang berlaku di Luak Sungai Ujong. Secara teori, 'Hak kita jangan diagihkan' tetapi Dato'-Dato' Lembaga di Sungai Ujong kerana tidak bermuafakat, kuasa yang ada pada tangan tidak digunakan akibatnya kuasa untuk melantik Undang telah terpaksa diagihkan kepada pihak lain.

Di sini kuasa untuk melantik Undang telah diserahkan secara mutlak kepada Dewan Keadilan dan Undang yang merupakan satu badan yang tidak ada kena mengena langsung dengan kuasa perlantikan Undang dari segi adat. Sebenarnya, peranan Dewan Keadilan dan Undang adalah untuk mengesahkan perlantikan sahaja dan bukannya sebagai badan yang melantik. Boleh dikatakan Dewan dalam perkara ini sepatutnya berperanan sebagai pemerhati dari luar dan bukannya untuk melibatkan diri secara langsung.

Walaubagaimanapun di dalam kes Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor lwn. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus¹² telah diputuskan sebaliknya. Kes ini adalah berkenaan krisis perlantikan Undang Luak Jelevu dimana pihak Responden iaitu Dato' Ombi telah memohon satu deklarasi

¹² 1981, 1 MLJ 29.

bahawa perlantikan Undang Luak Jelebu yang ke-15 Dato' Musa bin Abdul Wahab adalah tidak sah dan bercanggah dengan peruntukan Adat dan Perlembagaan Luak Jelebu. Perlantikan ini telah dibuat oleh pihak perayu pertama. Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Dewan Keadilan mempunyai kuasa untuk 'merestui' satu-satu perlantikan. Oleh kerana di dalam Artikel XVI, Bab 6, Bahagian Pertama, Undang-Undang Perlembagaan Negeri Sembilan ada memperuntukkan bahawa kuasa Dewan keadilan dan Undang adalah (*inter alia*), memberi nasihat atas perkara-perkara yang berkaitan dengan adat sekiranya dirujuk oleh Yang DiPertuan Besar atau Undang, maka sekiranya Dewan 'merestui' satu-satu perlantikan ini merupakan perkara yang di dalam bidang kuasanya dan sepatutnya pertelingkahan berakhir di sini.¹³

Boleh dikatakan bahawa kes diatas adalah satu-satu kes yang boleh dibezakan di mana Dewan Keadilan dan Undang memainkan peranan dalam menyelesaikan perlantikan Undang.

Penyelewengan daripada prinsip-prinsip adat adalah kesan daripada sikap Dato'-Dato' Lembaga itu sendiri. Sikap mereka menampilkan seolah-olah mereka tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan pertelingkahan yang ada yang menjadi peranan dan tanggungjawab mereka sendiri. Kuasa ada di tangan mereka, sepatutnya mereka berani menegakkan kebenaran seterusnya membuat keputusan yang jitu.

Boleh dibuat kesimpulan bahawa salah satu daripada punca pertelingkahan tentang perlantikan Undang adalah tiada kebulatan suara antara Dato'-Dato' Lembaga sendiri dan masing-masing tidak mampu untuk mempertahankan calon yang telah dipilih. Kemungkinan juga Dato'-Dato' Lembaga merasa ragu-ragu atas kuasa dan kedudukan sebenar jawatan pesaka yang mereka

¹³ Per. Yang Amat Arif Abdul Hamid Omar (Hakim Mahkamah Persekutuan) Ibid, hlm. 30.

sandang menyebabkan kuasa telah tidak digunakan dengan sempurna.

4.3.2 Kefahaman Terhadap Adat

Sesuatu peraturan atau Undang yang tidak bertulis adalah amat sukar untuk dikuatkuasakan kecuali jika terdapat metod penguatkuasaan yang berkesan.

Adat Perpatih adalah satu peraturan yang tidak bertulis yang unik di mana ia disampaikan dari satu generasi ke generasi yang lain secara lisan dalam bentuk perbilangan yang disusun rapi. Penguatkuasaannya adalah terletak pada kebijaksanaan dan kesetiaan ketua-ketua adat pada adat itu sendiri.

Memandangkan peraturan Adat Perpatih tidak bertulis dalam bentuk statut, kemungkinan pengamal adat ini untuk mengenepikan adat dalam perlantikan Undang sendiri adalah besar. Penulis tidak pula mengatakan bahawa sekarang ini pemimpin-pemimpin adat tidak lagi mengikut Adat Perpatih seperti yang telah diturunkan daripada nenek moyang mereka dahulu tetapi hakikatnya apabila perselisihan berlaku tentang perlantikan Undang, konflik akan berlaku dan tiada muafakat di kalangan pemimpin sendiri. Ini menyebabkan mereka sanggup berbuat apa sahaja untuk menegakkan hak masing-masing.

Berbalik kepada masalah ketidaktegasan Dato'-Dato' Lembaga, ianya mungkin timbul kerana perlantikan Dato'-Dato' Lembaga ini dijalankan mengikut waris iaitu garis keturunan yang layak dan bukannya mengikut pengalaman atau pengetahuan adat yang ada padanya.¹⁴ Kesannya, perkara ini telah membawa padah kepada pentadbiran adat di kebanyakan luak di Negeri Sembilan, di mana pihak yang tidak berapa arif tentang adat telah

¹⁴ Temubual penulis dengan Tuan Hj. Muhammad b. Tainu, Setiausaha Penyelidikan dan Budaya Negeri Sembilan, 8hb. Februari 1994.

menginterpretasikan adat mengikut kehendak sendiri. Ini menyebabkan peruntukan adat tersebut telah dieksploitasi supaya serasi dengan kehendak pihak tertentu.

Adat bukanlah satu perkara yang boleh dipermainkan, kelayakan Dato'-Dato' Lembaga haruslah dikaji semula dan hendaklah diukur melalui pengetahuannya yang mendalam terhadap adat.

4.3.3 Sistem Giliran

Biasanya di dalam proses perlantikan Undang salah satu peraturan yang perlu dipatuhi adalah sistem giliran di mana waris-warisan yang layak akan mengikut giliran bagi menyandang pesaka Undang.

Misalnya, dalam proses perlantikan Undang Luak Sungai Ujong terdapat dua waris yang layak iaitu Perut Hulu dan Perut Hilir. Kedua-dua waris ini akan bergilir-gilir memperuntukkan bakal Undang.

Di Luak Jelevu pula terdapat tiga waris yang layak iaitu Waris Ulu Jelevu, Waris Sarin dan Waris Kemin. Sistem giliran ini pada hakikatnya tidak diikuti sepertimana sepatutnya. Ini dapat dilihat dari senarai di bawah¹⁵ :-

Nama Undang Luak Jelevu dari Tahun Masehi 1750 Hingga Sekarang

a)	Dato' Moyang Salleh	-	Waris Ulu Jelevu
b)	Dato' Bokor	-	Waris Ulu Jelevu
c)	Dato' Bakul	-	Waris Ulu Jelevu
d)	Dato' Yunus	-	Waris Ulu Jelevu

¹⁵ Mohd. Redzuan b. Tumin, Istiadat Tabal Undang Jelevu, PURBA Bil. 2 1983, hlm. 74.

e)	Dato' Lup	-	Waris Sarin
f)	Dato' Duraman	-	Waris Kemin
g)	Dato' Rengoh	-	Waris Kemin
h)	Dato' Pandak	-	Waris Sarin
i)	Dato' Mahmud Kulup Tunggal	-	Waris Kemin
j)	Dato' Haji Ibrahim	-	Waris Kemin
k)	Dato' Syed Ali Al-Jafri	-	Waris Ulu Jelebu
l)	Dato' Abdullah	-	Waris Sarin
m)	Dato' Shahmaruddin Haji Abdul Rahman	-	Waris Kemin
n)	Dato' Hj. Abu Bakar Maamor	-	Waris Ulu Jelebu
o)	Dato' Musa Wahab (Dato' Undang yang ada sekarang)	-	Waris Sarin

Daripada senarai di atas, ia menampakkan bahawa sistem giliran tidak diikuti secara (*rigid*). Terdapat pada awalnya, calon dari Waris Ulu Jelebu telah dilantik menjadi Undang sebanyak empat kali berturut-turut.

Prinsip mengenai giliran ini adalah amat jelas sekali tetapi secara praktis ia telah menimbulkan banyak masalah. Ini adalah kerana waris-waris yang layak tidak dapat mengikutnya dengan ketat atas sebab-sebab yang tertentu. Alasan yang selalu digunakan adalah terdapat kecacatan peribadi pada calon dari waris yang sepatutnya ditabal pada masa itu.¹⁶ Maka giliran itu akan jatuh pada waris yang satu lagi.

Kenyataan bahawa sistem giliran yang dipraktikkan amat longgar menyebabkan calon yang dikemukakan terlalu ramai. Mereka berpendapat kemungkinan terpilih adalah besar kerana mana-mana waris boleh dipilih dan sudah menjadi kebiasaan sistem giliran diketepikan.

¹⁶ M.B Hooker, Negeri Sembilan : Adat, the Constitution and the Federal Court (1981) 2 MLJ cxc.

Pertikaian selalunya berkisar pada masing-masing mencari kecacatan calon yang ditentang dari segi adat supaya gilirannya akan jatuh.

Sekarang ini telah menjadi perkara biasa apabila mangkat sahaja seorang Undang masalah giliran waris yang layak akan menjadi punca pertelingkahan.

4.4 Cadangan Penyelesaian Krisis

Sistem perlantikan Undang mengikut Adat Perpatih sekiranya dilihat sepintas lalu, seolah-olah ia adalah satu sistem yang mudah tetapi hakikatnya, ia sangat sukar untuk dilaksanakan secara ideal. Kemungkinan besar, ini adalah kerana semakin negara kita mencapai kemajuan semakin manusia tidak pernah berpuashati dengan apa yang dia ada. Manusia telah menjadi tamak, apatah lagi kalau benda yang direbutkan itu adalah sesuatu yang akan memberi kuasa dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.

Untuk menyelesaikan masalah yang berkait rapat dengan adat ini bukannya mudah kerana ia tidak dapat lari daripada pengaruh politik. Apabila dilihat dari satu segi, masalah adat adalah sebahagian dari masalah Undang-Undang Perlembagaan, tetapi bila dilihat dari sudut yang lain, masalah adat adalah pertelingkahan peribadi dan diibaratkan sebagai satu pergolakan yang berlaku di dalam keluarga sendiri yang seharusnya diselesaikan sesama sendiri dan dirujuk kepada Dato'-Dato' Lembaga yang berkenaan berdasarkan hukum adat yang telah diamalkan sejak turun temurun.

Kekeliruan inilah yang dihadapi oleh Mahkamah Persekutuan dalam membuat keputusan kes Dato' Menteri Othman b. Baginda & Anor v. Dato' Ombi Syed Alwi b. Syed Idrus.¹⁷, Kes rayuan daripada Mahkamah Tinggi Seremban mengenai pertelingkahan perlantikan Undang Jelevu yang tidak dipersetujui oleh Dato' Ombi

¹⁷ (1981) 1 MLJ 29.

dan beberapa anak-anak waris yang lain yang ingin mahkamah mengisytiharkan perlantikan itu tidak sah. Selepas perbicaraan yang panjang lebar, akhirnya dengan keputusan majoriti, Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa Mahkamah Sivil tidak ada bidangkuasa untuk mendengar pertelingkahan adat yang jelas di bawah peraturan-peraturan adat yang sepatutnya diselesaikan oleh badan yang lebih arif tentang adat. Diputuskan juga perkara tersebut tidak jatuh dibawah undang-undang perlembagaan oleh itu Mahkamah Persekutuan tidak ada bidangkuasa untuk mendengarnya.

Sekiranya kita ambil iktibar dari kes di atas, maknanya pihak yang tertindas dan mungkin juga berhak ke atas pesaka Undang tidak mempunyai banyak alternatif untuk mendapatkan remedi. Sudahlah tidak boleh ke mahkamah dan kadang-kadang Dato'-Dato' lembaga pun tidak tahu menyelesaikan masalah, jadi kemanakah sepatutnya mereka pergi untuk mengadu nasib.

Sepatutnya pertama-tama sekali, masalah ini tidak timbul. Oleh itu mencegahnya daripada berlaku adalah lebih baik daripada cuba membetulkan apa yang telah berlaku. Semestinya kita belajar dari kesilapan dan langkah mestilah diambil untuk mengelakkan 'pisang berbuah dua kali'.

Di sini, penulis ingin menyarankan beberapa syor untuk menyelesaikan krisis yang mungkin boleh memecah-belahkan masyarakat adat.

4.4.1 Peranan Dato' Lembaga

Sepertimana yang telah dijelaskan beberapa kali sebelum ini Dato' Lembaga mempunyai kuasa yang telah ditetapkan oleh peraturan adat dalam melantik Undang.

Telah dibincangkan sebelum ini pihak Dato' Lembaga telah tidak menjalankan kuasanya yang diamanahkan oleh anak-anak buah dengan berkesan.

Di sini penulis bukanlah bermaksud ingin mengkritik atau memberitahu Dato' Lembaga bagaimana untuk menjalankan tugas mereka. Penulis pasti Dato' Lembaga lebih arif tentang adat tetapi adalah satu fakta yang tidak boleh dinafikan bahawa krisis yang timbul adalah berpunca daripada ketidaktegasan Dato' Lembaga dan seterusnya gagal mempertahankan calon yang dipilih.

Dalam menyelesaikan masalah ini, semua pihak mestilah berhati-hati supaya keputusan yang dibuat adalah yang terbaik untuk semua orang, 'ibarat menarik rambut dalam tepung rambut jangan putus tepung jangan berserak'.

Penulis ingin menyarankan di sini, Dato'-Dato' lembaga dalam memainkan peranannya hendaklah bersikap lebih tegas kerana anak-anak waris yang mereka wakili menaruh harapan yang amat tinggi supaya mereka dapat membuat penyelesaian yang terbaik.

Menyentuh tentang krisis perlantikan Undang ini, Dato'-Dato' lembaga tidak boleh mengamalkan sikap seperti lalang, bila ditiup angin ke kiri ke kirilah ia dan bila di tiup ke kanan maka ke kanan pulalah ia. Sekiranya sikap ini ada maka tidak hairanlah kalau masalah ini tidak dapat diselesaikan kerana Dato'-Dato' lembaga sentiasa mudah dipengaruhi dan tidak tetap pendirian dan mungkin sehingga ke tahap boleh di beli. Ini adalah satu wabak yang semakin menular di kalangan masyarakat politik dan kemungkinan juga pemimpin-pemimpin adat tidak terlepas dari godaan.

Dato'-Dato' lembaga mesti tetap pendirian dalam mempertahankan keadilan dengan mengikut prinsip-prinsip adat yang telah terbukti keberkesanannya berkurun-kurun lamanya. Di zaman dahulu masyarakatnya berjaya melantik Undang tanpa wujud apa-apa pertelingkahan mengapa tidak sekarang.

Peraturan-peraturan adat yang berbentuk kata-kata perbilangan bukannya satu yang statik. Adat Perpatih sedia menerima perubahan bak kata adat :-

Sekali air bah
 Sekali pantai berubah

Oleh yang demikian, Dato'-Dato' lembaga perlu memainkan peranannya dari masa ke semasa untuk mengkaji peraturan atau adat pesaka lama sekiranya ada yang samar-samar haruslah diterangkan, mana yang terdapat keraguan haruslah diperjelaskan dan yang longgar diketatkan, selaras dengan perbilangan adat :-

Lapuk-lapuk dikajangi
 Usang-usang diperbaharui
 Nan elok dipakai
 Nan buruk dibuang
 Kok pendek diuleh
 Kok panjang dikerat
 Kok senteng dibilai
 Melebihi jangan keterlalu
 Mengurangi jangan sia-sia

Jadi peranan Dato' Lembaga tidak terhenti pada menyelesaikan masalah adat sahaja. Peraturan adat itu sendiri pun perlu dikaji secara mendalam.

Penyelesaian masalah ini haruslah bermula daripada daya inisiatif Dato'-Dato' lembaga itu sendiri.

4.4.2 Kebulatan

Masalah yang paling besar dalam perlantikan Undang adalah tidak ada kebulatan atau kata sepakat di antara pemimpin-pemimpin adat itu sendiri. Mereka dengan kepala sendiri dan tidak mahu bertolak ansur di antara satu dengan yang lain.

Persefahaman adalah satu elemen yang penting untuk mendapatkan satu keputusan yang padu dan jitu. Sepatutnya kata-kata adat mestilah dipegang supaya boleh dijadikan panduan :-

Bulat air kerana pembedung
 Bulat manusia kerana muafakat
 Faham sesuai, benar seukur
 Bulat segolek, pipih selayang
 Rundingan jangan selisih
 Muafakat jangan bercanggah
 Tuah pada sekata
 Berani pada seiya

Penulis mencadangkan di sini untuk sampai kepada satu kebulatan yang dicita-citakan Dato'-dato' Lembaga yang berkuasa memilih Undang mestilah mahu bertolak ansur dan seiya sekata supaya 'bulat boleh digolekkan pipih boleh dilayangkan seiya sekata, seayun selenggang'.

